

IZIN DALAM NIKAH

(Fatwa Nur Al-Islam)

-----*-----*

(Oleh kerana masalah ini sedang heboh menjadi tanda tanya maka di bawah ini dipeturunkan suatu petua dari Mesir berkenaan dengannya yang disalin dari majalah “Wirtu Ahad” keluaran 9 Jun 1935 untuk tatapan bersama).

SOAL

Satu akah nikah telah diadakan di antara dua orang seorang pengantin lelaki bagi pihak dirinya sendiri dan seorang wali – saudara laki-laki kepada pengantin perempuan yang baligh. Adalah pengantin laki-laki dan wali itu bermazhab Syafie kedua-duanya telah bertaklid kepada mazhab Hanafi dalam akad ini dan wali itu tidak meminta izin saudara perempuannya pengantin perempuan itu sebelum berakad itu dan pengantin perempuan tidak menghadiri akad itu akan tetapi manakala sampai kepadanya perkhabaran akad itu ia diam.

Seorang alim telah berkata kepada wali itu iaitu nikah ini tidak jadi lalu wali itu telah kahwinkan saudaranya itu kepada seorang laki-laki lain dengan izin saudara perempuannya itu maka di antara dua akad itu mana yang sah pertama atau yang keduakah?

JAWAB

Dalam mazhab Syafie barang siapa telah bernikah dengan satu nikah yang di dalamnya ada pertelingkahan di antara imam-imam maka jika ia telah taklid imam yang menyatakan nikahnya itu sah jadilah akad nikahnya itu sah dan oleh sebab kedua-dua yang berakad dalam akad yang pertama itu telah taklid dengan Imam Abu Hanifah dalam akad ini maka sayugia dalam akad ini mengikut hukum mazhab Abu Hanifah Rahimahu Allah dan termaklum bahawa akad seumpama ini pada ulama Hanafi menantikan ijazah (kelulusan) pengantin perempuan

Maka jika pengantin perempuan itu telah meluluskannya baharulah lulus (jadi) akad itu dan jika ia tidak meluluskannya tidaklah lulus (jadi) akad itu.

Sesungguhnya ulama Hanafi telah berkata iaitu apabila seseorang wali telah kahwinkan saudara perempuannya yang baligh dengan tiada izinnya kemudian sampai kepadanya perkhabaran kahwin itu lalu ia diam maka jika adalah ia anak dara maka diamnya itu memberi kelulusan akad nikahnya dan jika adalah ia janda maka diamnya itu tiada dibilangkan memberi kelulusan.

Maka jika adalah perempuan dalam kejadian (masalah) ini anak dara luluslah (jadi dan sah) akadnya yang pertama itu dan akad yang kedua itu batal dan jika adalah ia janda tidak lulus (sah) akadnya yang pertama itu dan adalah akad yang kedua itu sah. *Wa Allahu Maufiqu lissowah*

Abdul As-Salam Al-Askari Al-Hanafi

Hussin Al-Biyumi Al-Hanafi

Yusoff Al-Marsofi As-Syafie.

Al-Husaini Sultan As-Syafie.

MAKLUMAT

Harga lengkap Kalam setahun \$7.20

Enam bulan \$3.60

Bersih belanja pos.

Langganan yang kurang dari tiga bulan tidak boleh diterima.

Perhatian : Tiap-tiap surat pesanan hendaklah ditulis nama dan alamatnya yang terang dan tulislah alamat itu pada surat yang digambarkan – jangan ditulis pada sampulnya sahaja.

Alamatkan surat-surat pesanan kepada:

QALAM

356, GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.
